



PERATURAN ANUGERAH SUKAN MASUM



1 TAFSIRAN

1.1 Dalam peraturan ini :

- | | | | |
|-------|---------------------------------|---|---|
| 1.1.1 | 'Anugerah' | : | Ertinya Anugerah Sukan MASUM |
| 1.1.2 | 'Jawatankuasa Pemilihan' | : | Ertinya Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Sukan MASUM |
| 1.1.3 | 'UA' | : | Ertinya Universiti Awam |
| 1.1.4 | Ahli MASUM | : | Ertinya ahli-ahli Majlis MASUM |

2 TUJUAN ANUGERAH

- 2.1 Memberi motivasi dan penghargaan kepada atlet-atlet dan pegawai-pegawai sukan universiti awam agar sentiasa meningkatkan pencapaian mereka dalam sukan universiti dan seterusnya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 2.2 Menyatakan penghargaan kepada orang perseorangan, persatuan sukan dan pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan di atas jasa perkhidmatan, sumbangan dan kepimpinan ke arah kemajuan sukan MASUM.

3 JENIS ANUGERAH

- 3.1 Anugerah Olahragawan
- 3.2 Anugerah Olahragawati
- 3.3 Anugerah Bintang Harapan Lelaki
- 3.4 Anugerah Bintang Harapan Wanita
- 3.5 Anugerah Pasukan Terbaik
- 3.6 Anugerah Pengurus Terbaik
- 3.7 Anugerah Jurulatih Terbaik
- 3.8 Anugerah Tokoh Sukan
- 3.9 Anugerah Sekalung Budi
- 3.10 Anugerah Rakan MASUM
- 3.11 Anugerah Khas MASUM
- 3.12 Anugerah Atlet Lelaki Terbaik Universiti
- 3.13 Anugerah Atlet Wanita Terbaik Universiti



4 AM

- 4.1 Anugerah-anugerah di atas tidak semestinya dikurniakan setiap tahun kecuali jika pada pendapat Jawatankuasa Pemilihan taraf kejayaan atau pencapaian yang berkenaan adalah cemerlang.
- 4.2 Atlet yang dicalonkan mestilah berstatus pelajar sepenuh masa pada tahun yang dinilai.
- 4.3 Setiap atlet atau pasukan hanya boleh dicalonkan untuk memenangi satu kategori anugerah sahaja untuk setiap tahun pencalonan.
- 4.4 Minimum pencalonan Anugerah Olahragawan/Olahragawati dan Bintang Harapan Lelaki/Wanita adalah bagi mereka yang mewakili Negara.
- 4.5 Keputusan jawatankuasa pemilih adalah muktamad.

5 ASAS PEMILIHAN

5.1 Anugerah Olahragawan/Olahragawati

- 5.1.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu yang telah mewakili Negara di peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh MSN/MOM
DAN;
- 5.1.2 Mewakili Negara dalam pertandingan sukan yang diiktiraf oleh FISU/AUSF/AUSC dan mencapai kejayaan atau memperolehi pingat sekurang-kurangnya dalam Sukan Universiti ASEAN (SUA)
ATAU;
- 5.1.3 Mewakili MASUM/Negeri di peringkat kebangsaan.

5.2 Anugerah Bintang Harapan Lelaki/Wanita

- 5.2.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu yang telah mewakili Negara di peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh MSN/MOM
ATAU;
- 5.2.2 Mewakili Negara dalam pertandingan sukan yang diiktiraf oleh FISU/ AUSF/ AUSC dan mencapai kejayaan atau memperolehi pingat sekurang – kurangnya dalam Sukan Universiti ASEAN (SUA)
ATAU;
- 5.2.3 Mewakili MASUM/Negeri di peringkat kebangsaan
DAN;
- 5.2.4 Calon-calon mestilah Tahun 1 atau Tahun 2 pengajian semasa tahun dinilai



5.3 Anugerah Pasukan Terbaik

5.3.1 Anugerah ini dikurniakan kepada pasukan yang telah mewakili Negara/MASUM dalam acara berpasukan dan mencapai kejayaan atau mendapat pingat di peringkat antarabangsa atau kebangsaan yang diiktiraf oleh FISU/ AUSF/ AUSC/MASUM/MOM/KPT

DAN;

5.3.2 Pasukan yang dicalonkan mestilah bebas daripada sebarang tindakan disiplin.

5.4 Anugerah Pengurus Terbaik

5.4.1 Anugerah ini dikurniakan kepada pengurus pasukan yang telah menyumbang khidmat untuk pencapaian cemerlang pasukan yang mewakili Negara/MASUM di peringkat antarabangsa atau kebangsaan yang diiktiraf oleh FISU/AUSF/ AUSC/MASUM/MOM/KPT

DAN;

5.4.2 Menunjukkan ciri – ciri kepimpinan dan pengurusan yang berkualiti

DAN;

5.4.3 Calon adalah merupakan warga Universiti Awam (UA) sahaja.

5.5 Anugerah Jurulatih Terbaik

5.5.1 Anugerah ini dikurniakan kepada jurulatih yang berjaya dan berjasa membimbing atlet atau pasukan Negara/MASUM untuk mencapai prestasi tinggi samada di peringkat antarabangsa atau kebangsaan yang diiktiraf oleh FISU/AUSF/ AUSC/MASUM/MOM/KPT

DAN;

5.5.2 Komited dari segi latihan dan motivasi kepada pemain dan pasukan

DAN;

5.5.3 Calon adalah merupakan warga Universiti Awam (UA) sahaja.

5.6 Anugerah Tokoh Sukan

5.6.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu yang berjasa dan menjadi sumber inspirasi kepada pembangunan dan perkembangan sukan MASUM.

5.7 Anugerah Penghargaan Sekalung Budi

5.7.1 Anugerah ini dikurniakan kepada Ahli Majlis MASUM yang telah memberi sumbangan dan khidmat terhadap pembangunan Sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



5.8 Anugerah Rakan MASUM

5.8.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu/organisasi yang telah memberi sumbangan dan kerjasama terhadap pembangunan sukan MASUM.

5.9 Anugerah Khas MASUM

5.9.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu atau pasukan yang menunjukkan prestasi cemerlang di satu-satu pertandingan antarabangsa atau memberi perkhidmatan yang cemerlang serta luar biasa ke arah kemajuan sukan MASUM.

5.9.2 Calon adalah merupakan warga Universiti Awam (UA) sahaja.

5.10 Anugerah Atlet Terbaik Lelaki/Wanita Universiti

5.10.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang di peringkat universiti masing-masing.

6 TEMPOH PENILAIAN ANUGERAH

6.1 Anugerah Olahragawan/Olahragawati, Bintang Harapan Lelaki/Wanita, Pasukan Terbaik, Pengurus Terbaik, Jurulatih Terbaik dan Atlet Terbaik Universiti hendaklah dalam tempoh (tahun akademik) yang dinilai.

6.2 Anugerah Tokoh Sukan, Anugerah Khas dan Rakan MASUM tidak terikat dengan tahun yang dinilai.

7 PENCALONAN

7.1 Pencalonan Anugerah Sukan MASUM dibuat oleh :

7.1.1 Pusat Sukan Universiti

7.1.2 Pengerusi Permainan/Jawatankuasa Kecil Persediaan Atlet

7.1.3 Ahli MASUM

7.1.4 Jawatankuasa Pemilihan

7.2 Pencalonan Anugerah Olahragawan/Olahragawati dan Bintang Harapan Lelaki/Wanita dibuat oleh Pusat Sukan Universiti yang berkenaan

7.3 Pencalonan Anugerah Pengurus/Jurulatih/Pasukan Terbaik dibuat oleh Pengerusi Permainan/Jawatankuasa Kecil Persediaan Atlet.

7.4 Semua pencalonan hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh urusetia.



- 7.5 Lain-lain pencalonan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan / Ahli MASUM / Pengerusi Permainan/Jawatankuasa Kecil Persediaan Atlet.
- 7.6 Semua permohonan yang dibuat oleh 7.1 hendaklah dikemukakan kepada urusetia sebelum atau pada tarikh yang ditentukan.
- 7.7 **Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.**

8 JAWATANKUASA ANUGERAH

8.1 Sekretariat

8.1.1 Tugas Sekretariat adalah :

8.1.1.1 Menyemak dan menyenaraikan pencalonan yang diterima.

8.1.2 Sekretariat adalah terdiri daripada :

- i. Pengerusi : Penolong Setiausaha Agung MASUM II
- ii. Ahli Jawatankuasa : Pegawai Tadbir MASUM, Pegawai Teknikal MASUM, 2 orang Eksekutif MASUM

8.2 Jawatankuasa Saringan

8.2.1 Tugas Jawatankuasa Saringan adalah :

8.2.1.1 Menyengarai pendek senarai calon tidak lebih lima orang untuk penilaian akhir di peringkat Jawatankuasa Pemilihan.

8.2.2 Jawatankuasa Saringan ditubuhkan adalah yang terdiri daripada :

- i. Pengerusi : Setiausaha Agung MASUM
- ii. Setiausaha : Penolong Setiausaha Agung MASUM II

Ahli Jawatankuasa

- i. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Persediaan Atlet MASUM
- ii. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan MASUM
- iii. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Promosi MASUM
- iv. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pembangunan MASUM
- v. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Tugas- Tugas Khas MASUM



8.3 Jawatankuasa Pemilihan

8.3.1 Tugas Jawatankuasa Pemilihan adalah :

8.3.1.1 Menyemak dan menilai pencalonan akhir yang diterima.

8.3.2 Sebuah Jawatankuasa Pemilihan ditubuhkan dan ahli-ahlinya dilantik oleh Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) pada setiap tahun yang terdiri daripada :

- i. Pengerusi : Timbalan. Pengerusi MASUM II
- ii. Setiausaha : Penolong Setiausaha Agung MASUM II

Ahli Jawatankuasa

- i. Setiausaha Agung MASUM
- ii. 3 orang ahli Majlis yang dilantik oleh MASUM
- iii. Wakil Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
- iv. Wakil Majlis Sukan Negara (MSN)
- v. Wakil Majlis Olimpik Malaysia (MOM)
- vi. Wakil Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM)
- vii. Wakil Persatuan Penulisan Sukan (SAM)

9 JAWATANKUASA PENGELOLA

9.1 Sebuah universiti pada setiap tahun akan dilantik oleh MASUM bagi mengurus dan mengelolakan Majlis Anugerah Sukan MASUM.

10 URUSETIA

10.1 Sekretariat MASUM akan menyediakan, menghantar, menerima dan memproses Borang Pencalonan untuk tindakan Jawatankuasa Anugerah.

10.2 Jawatankuasa Saringan memproses dan menyediakan Laporan Pencalonan untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan.

10.3 Melaksanakan lain-lain arahan yang berkaitan.



11 HADIAH PEMENANG ANUGERAH SUKAN MASUM

11.1 Anugerah Olahragawan/Olaharagawati

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Piala Pusingan	
2.	Wang Tunai	RM 3,000.00
3.	Trofi Iringan Pemenang	RM 500.00
4.	Blazer	RM 600.00
5.	Sijil Penghargaan	-
6.	Trofi Iringan Calon Beserta Sijil	RM 200.00
<ul style="list-style-type: none"> Dicalonkan untuk FISU konferens 		

11.2 Anugerah Bintang Harapan Lelaki/Wanita

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Wang Tunai	RM 1,000.00
2.	Trofi Pemenang	RM 300.00
3.	Sijil Penghargaan	-
4.	Trofi Iringan Calon Beserta Sijil	RM 150.00

11.3 Anugerah Pasukan Terbaik

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Wang Tunai Pemenang (setiap seorang)	RM 300.00
2.	Trofi (setiap seorang/pasukan)	RM 100.00
3.	Sijil Penghargaan	-



11.4 Anugerah Pengurus Terbaik

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Wang Tunai Pemenang	RM 1,000.00
2.	Trofi	RM 100.00
3.	Sijil Penghargaan	-

11.5 Anugerah Jurulatih Terbaik

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Wang Tunai Pemenang	RM 1,000.00
2.	Trofi	RM 100.00
3.	Sijil Penghargaan	-

11.6 Anugerah Sekalung Budi

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Wang Tunai	RM 1,000.00
2.	Trofi	RM 300.00
3.	Sijil Penghargaan	-

11.7 Anugerah Tokoh Sukan

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Trofi	RM 500.00
2.	Sijil Penghargaan	-

11.8 Anugerah Rakan MASUM

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Cenderahati	RM 500.00
2.	Sijil Penghargaan	-



11.9 Anugerah Khas MASUM

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Wang Tunai	RM 1,000.00
2.	Trofi	RM 500.00
3.	Sijil Penghargaan	-

11.10 Anugerah Atlet Terbaik Universiti

BIL	PERKARA	KADAR/JUMLAH
1.	Plaque Pemenang	RM 100.00
2.	Sijil Penghargaan	-

12 LAIN – LAIN

Jawatankuasa Anugerah berhak menentukan sebarang perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini. Keputusan Jawatankuasa Anugerah adalah muktamad.